



KENYATAAN MEDIA

JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (JPPM)

PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG PERTUBUHAN BERDAFTAR DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Selaras dengan arahan penutupan penuh sektor sosial dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara ‘lockdown’ bermula 1 Jun 2021, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) menegaskan bahawa pelaksanaan Mesyuarat Agung Tahunan bagi semua pertubuhan berdaftar hendaklah ditangguhkan **kecuali** ianya mampu dilakukan secara maya menurut prosedur operasi standard (SOP) PKP dan memenuhi syarat-syarat asas pelaksanaan Mesyuarat Agung Tahunan seperti yang termaktub dalam perlembagaan pertubuhan masing-masing.

Walau bagaimanapun, Mesyuarat Agung Tahunan tersebut boleh dilaksanakan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dengan pematuhan ketat berdasarkan kepada SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM).

Sehubungan itu, semua pertubuhan berdaftar hendaklah mengemukakan permohonan bertulis bagi tujuan penangguhan pelaksanaan Mesyuarat Agung Tahunan kepada JPPM dengan mengemukakan cadangan tarikh pelaksanaan dan SOP tambahan sebaik sahaja tempoh PKP berakhir.

Semua pertubuhan hendaklah mengemukakan penyata tahunan kepada JPPM dalam tempoh enam puluh hari (60) hari selepas Mesyuarat Agung Tahunan diadakan selaras dengan peruntukan Seksyen 14(1), Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335].

JPPM menegaskan bahawa pertubuhan berdaftar hendaklah melaksanakan Mesyuarat Agung Tahun bagi memastikan pengurusan pertubuhan dapat dilaksanakan dengan baik selaras dengan kehendak perlembagaan pertubuhan dan Akta 335.

JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA PUTRAJAYA
9 JUN 2021, PUTRAJAYA
